

Headline	THT, Sapura hampiri pentas final		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	54,60
ArticleSize	595 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 61,296		



PIALA TNB 2016

THT, Sapura hampiri pentas final

Kuala Lumpur: Pasukan Hoki Terengganu (THT) hampir pasti menempah tiket ke pentas final Piala TNB apabila berpesta gol membelasah Maybank 6-1 dalam aksi pertama di Stadium Hoki Lembah Pantai, semalam.

Dalam satu lagi aksi separuh akhir pertama, naib juara musim lalu Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) pula berdepan laluan sukar untuk meneruskan kemaraan apabila tewas 1-3 kepada Sapura dalam perlawanan di stadium sama.

THT berjaya memperoleh lima daripada enam gol menerusi percubaan padang Faizal Saari yang kembali dipilih mewakili negara ke Liga Hoki Australia membuktikan sentuhannya masih berbisa apabila meledak dua gol.

Begitupun, Maybank terlebih dulu membuka tirai jaringan pada minit ketujuh hasil sumbangan gol Muhammad Firdaus Fauzi, namun segera disamakan bekas penyerang negara, Ismail Abu sebaik bersambung suku kedua.

Selepas itu kedua-dua pasukan lebih banyak bertukar giliran melancarkan serangan sebelum benteng Maybank mula dirobek skuad

bimbingan Sarjit Singh itu pada baki 16 minit terakhir.

Aksi kali pertama

Bermula dengan jaringan Faizal pada minit ke-44 untuk THT mendahului aksi buat kali pertama, Ismail terus mencerikan penyokong skuad itu apabila menjaringkan gol ketiga pada minit ke-49.

Seminit kemudian, tiba giliran pakar sudut penalti dari Korea Selatan, Jang Jonghyun meledak satu-satunya gol menerusi pukulan itu buat THT sebelum Faizal dan Amirul Mirza Rozi masing-masing memastikan juara Liga Premier itu membawa bekalan selesa ke aksi separuh akhir kedua, esok dengan menghasilkan gol pada minit ke-53 dan 57.

Sementara itu, semua gol Sapura dijaringkan tonggak import Oscar William Wookey pada minit ke-35, Phillip Ross Burrows (m-42) dan Gurbaj Singh (m-52) manakala gol sagu hati KLHC disumbangkan tonggak import Korea Selatan, Hyunwoo (m-40).

Oleh Naqib Nor Said

Headline	THT, Sapura hampiri pentas final		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	54,60
ArticleSize	595 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 61,296		



[FOTO HASRIYASHAH SABUDIN / BH]

Pemain THT, Tg Ahmad Tajuddin Tg Abd Jalil (kanan) diasak dua pemain Maybank pada aksi separuh akhir pertama Piala TNB di Stadium Pantai Kuala Lumpur, semalam.



[FOTO HASRIYASHAH SABUDIN / BH]

THT berpesta gol

Pemain Terengganu, Jang Jonghyun (dua kanan) diasak pemain Maybank, Muhammad Afif Akmal Salim pada aksi separuh akhir pertama Piala TNB, Liga Hoki Malaysia di Stadium Pantai Kuala Lumpur, malam tadi. **Ms.54**